

**MEMILIH KURSUS SELEPAS SPM :: DARIPADA PELAJAR, KEPADA
PELAJAR.**

Penulis:

**Izaida Ibrahim, Tahun Kedua, Ijazah Sarjana Muda Pengajian Psikologi,
University of East London.**

Tarikh disiapkan:

November 2006.

*Hak Cipta Terpelihara.. Sila dapatkan kebenaran dahulu daripada saya jika digunakan
untuk tujuan komersial.*

Wallahu'alam

MEMILIH KURSUS SELEPAS SPM :: DARIPADA PELAJAR, KEPADA PELAJAR.

ISI KANDUNGAN

1. SIAPA SAYA
2. KE MATRIKULASI
3. DI UNIVERSITI
4. MENCARI-CARI DIRI SENDIRI
5. MEMULAKAN HIDUP BARU
6. PERSPEKTIF SEORANG PELAJAR DALAM MEMBUAT PILIHAN KURSUS JURUSAN IJAZAH YANG BETUL
7. JIKA ANDA BERADA DI LALUAN KERJAYA YANG SALAH
8. MENGURUSKAN TEKANAN DENGAN IBUBAPA YANG BERTENTANGAN DENGAN KEPUTUSAN ANDA
9. APA KESILAPAN SAYA SEMASA MEMILIH KURSUS
10. BAGAIMANA HENDAK BERSIKAP MATANG DALAM MEMBUAT PILIHAN
11. LANGKAH MEMULAKAN HIDUP BARU BAGI SEORANG PELAJAR
12. PEMERHATIAN SAYA SELAMA 6 TAHUN

1. SIAPA SAYA

Nama saya Izaida Ibrahim. Saya berumur 23 tahun dan masih sedang belajar dalam peringkat ijazah sarjana muda. Sudah 6 tahun saya meninggalkan dunia SPM namun kesan dari dunia SPM itu telah banyak mempengaruhi hidup saya, ada yang sangat baik dan ada juga keburukannya. 6 tahun ini sangat bermakna buat diri saya, dan pengalaman ini akan saya kongsi bersama rakan-rakan pelajar yang lain tidak kira umur, bangsa atau agama. Buku ini saya khususkan kepada semua lepasan SPM dan pelajar di peringkat universiti yang masih mencari-cari atau mengenalpasti kursus-kursus yang ingin dijadikan pilihan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Saya lahir dari keluarga yang sangat sederhana dari segala aspek termasuklah dari segi sosial dan ekonomi. Ibu dan ayah tidak dapat bersekolah di peringkat tinggi dan hanya mampu mendapatkan sijil sekolah menengah memandangkan situasi kewangan yang teruk dan latarbelakang keluarga yang tidak tinggi pelajaran. Mereka hidup susah dan membesar dengan azam untuk tidak lagi mahu anak-anak mereka menghadapi kesusahan yang mereka terpaksa lalui dahulu. Saya memandang mereka sebagai ibu bapa yang tegas dan dalam masa yang sama bersikap penyayang, pendek kata sememangnya mereka adalah ibubapa terbaik buat diri saya di dunia dan di akhirat (6 tahun ini baru dapat mengajar saya erti kasih sayang mereka). Adik beradik saya diajar untuk menjadi cemerlang dalam semua aspek terutamanya dari segi akademik, agama dan nilai-nilai moral.

Seperti kebanyakan ibubapa, mereka mengimpikan anak-anak mereka berjaya dalam pelajaran dan mendapat pekerjaan yang menjanjikan hidup yang terjamin. Kebetulan pada masa itu, kerjaya doktor perubatan dan pergigian adalah antara kursus yang sangat popular dan mendapat tempat tinggi di mata masyarakat. Saya dibesarkan dan disematkan dengan rasa bertanggungjawab untuk tidak menghampakan harapan ibubapa, dan semangat ini telah membuahkan hasil dengan keputusan cemerlang dalam peperiksaan diperingkat sekolah rendah dan menengah. Saya ditawarkan ke MRSM Taiping untuk menyambung tingkatan empat.

Majoriti masyarakat melayu memandang sekolah berasrama penuh akan menjanjikan keputusan yang cemerlang kepada pelajar-pelajarnya dan ini termasuklah ibubapa saya. Pandangan ini memang ada benarnya dan sebab itulah saya menerima tawaran tersebut walaupun objektif utama saya adalah untuk melepaskan diri dari membantu kerja-kerja asas rumah kerana saya memang sangat pemalas! Saya tidak pula pernah terfikir untuk memilih aliran sains atau sastera untuk tingkatan empat dan lima kerana kedua-dua kakak saya memasuki aliran sains di sekolah menengah dan kawan-kawan saya juga memilih aliran tersebut. Kebetulan, hasilnya memang sesuai dengan saya kerana rupa-rupanya saya meminati subjek-subjek sains.

Di MRSM, saya dapati persekitarannya menarik, sesuai untuk belajar dan berseronok dengan kawan-kawan. *Pendek kata, best giler la masa tu.* Walaubagaimanapun, persaingan dalam bidang akademik sangat tinggi dan dari situ, saya sedar saya perlu berusaha lebih untuk maju dan duduk ke depan, *kerana sememangnya susunan kerusi semasa graduasi MRSM Taiping ketika itu mengikut ranking, yang terbaik di hadapan dan yang tercorot di belakang.* Apabila saya mendapat keputusan peperiksaan percubaan SPM, ianya menghampakan. Walaubagaimanapun, saya masih layak memohon untuk ditemuduga dalam program persediaan melanjutkan pelajaran ke luar negara (sama ada IB Diploma-kebanyakan pelajar mengambil jurusan perubatan, atau A Level ATU program-kebanyakan pelajar mengambil jurusan kejuruteraan).

Tetapi, saya tidak memohon langsung untuk mengikuti program tersebut disebabkan ibubapa saya tidak menggalakkan saya belajar di luar negara. Saya terlalu mentah dan mudah dipengaruhi, -kata mereka- , *memang ada betulnya.* Tambahan pula, saya seorang perempuan, mereka mahu saya dekat kepada mereka. Lagipun, mengikut latarbelakang keluarga saya, memang tiada seorang pun yang belajar di luar negara, menjadikan mereka lebih risau.

Semasa saya di tingkatan 5, isu memilih kerjaya menjadi sebahagian daripada perkara yang diutamakan dalam seminar-seminar yang diselenggarakan oleh pihak MRSM. Kerjaya paling popular dan mendapat tempat tinggi sekali lagi adalah doktor, saintis dan jurutera. Ketika itu, saya masih lagi mentah, tidak matang, dan bingung mengenai apa pilihan kerjaya saya. Dengan pengaruh kawan-kawan dan ibubapa, saya fikir kerjaya doktor adalah kerjaya yang patut dipilih walaupun saya sendiri tidak pasti mengenainya. Saya terfikir juga untuk menjadi jurutera, tetapi atas sebab banyak faktor, saya tepis pilihan itu ke tepi. Saya teringin juga hendak menjadi ahli psikologi, tetapi saya sedar gajinya tidak banyak seperti doktor dan ibubapa juga inginkan saya menjadi doktor. Semakin difikirkan, semakin saya rasa tiada pilihan lain untuk berjaya dan menjadi kaya.

Hasilnya, target saya ketika itu adalah mendapat tempat di universiti tempatan dan mendapatkan ijazah perubatan/pergigian. Saya lebih meminati perubatan kerana saya tidak tahu menahu langsung mengenai kerjaya doktor gigi, malahan saya tidak pernah langsung berjumpa dengan doktor gigi untuk mendapatkan sebarang rawatan.

2. KE MATRIKULASI

Memasuki Pusat Asasi Sains Universiti Malaya tidaklah seteruk mana yang saya fikirkan. Mujurlah saya mendapat kawan-kawan yang *tidak kurang bestnya* dengan kawan-kawan di MRSM, malahan mereka lebih *kool* dan mengajar saya banyak benda baru. Pada hari pertama di matrikulasi, saya sudah ada teman lelaki tetapi bukan dari tempat yang sama. Beliau belajar di program diploma IB sebagai persediaan ke luar negara. Berbalik pada matrikulasi, terdapat satu persamaan di antaranya dengan MRSM. Pelajar-pelajarnya, dalam bidang sains hayat, juga menekankan kerjaya doktor sebagai pilihan utama. Pengaruh ini begitu kuat dan cukup meyakinkan saya hingggakan saya betul-betul beranggapan yang saya memilih pilihan kerjaya yang betul.

Walaupun bagaimanapun, CGPA atau PNG saya tidak melayakkan saya mendapat tempat di bidang perubatan, tetapi di bidang pergigian. Saya merasa hampa dan bingung kerana saya betul-betul *clueless* mengenai bidang ini. Sebaliknya, ibubapa saya begitu gembira apabila mengetahuinya, dan walaupun saya memberitahu mereka yang saya tidak minat pergigian, mereka masih menggalakkan saya habis-habisan untuk mengikuti kursus ini. Kegembiraan mereka menjadikan saya kelu untuk menolak tawaran tersebut, dan saya menerimanya. Dalam masa terdekat selepas itu, saya ditawarkan mengikuti jurusan perubatan di Indonesia di bawah tajaan MARA dan jurusan perubatan juga di IMU (International Medical University, Bukit Jalil). Kedua-duanya ditolak atas alasan luar negara dan IMU adalah universiti swasta-kami tidak mampu bayar yuran pengajian.

Pada saat itulah, saya sedar yang selama ini saya telah mensia-siakan peluang yang saya ada untuk membuat pilihan yang betul dalam kursus ijazah kerana sekarang saya terpaksa menghadapi kursus yang tidak langsung saya terfikir untuk dijadikan pilihan dan tidak langsung saya minati. Hendak atau tidak, saya sudah tiada pilihan. Saya terpaksa mencuba sedaya upaya untuk menghabiskan kursus 5 tahun ini. Tiba-tiba dunia saya hancur, kerana baru saya sedar yang saya tidak mengenali diri saya sendiri, tidak tahu apa yang saya mahukan dalam kehidupan dan hanya tahu mengikut orang lain (pak turut), dan lebih teruk, sekarang saya berada pada jalan yang saya tidak mahu ikuti.

3. DI UNIVERSITI

Tahun pertama pengajian adalah seperti di awang-awangan. Saya menjadi pak turut dalam semua perkara. *Just following the flow*, bak kata orang putih. Terus terang saya jelaskan, subjek-subjek pelajaran untuk menjadi doktor/doktor gigi tidak susah untuk dipelajari. Maksud saya disini, jika anda benar-benar hendak lulus, memang anda boleh lulus! Saya mengambil pelajaran sebagai perkara mudah kerana saya tidak meminati kursus tersebut, tetapi saya masih lulus dengan baik dan mendapat Honours dalam beberapa subjek major selama hampir 3 tahun. Saya tidak pernah gagal dalam peperiksaan. Target saya hanyalah untuk lulus, gembirakan ibubapa, dan habiskan belajar supaya saya dapat keluar dari konflik yang saya tidak suka ini.

Tahun kedua adalah tahun praktikal keatas patung, iaitu tahun yang amat membuat saya menderita. *Hand skills* adalah satu perkara yang saya tidak gemari, dan ia benar-benar merencatkan usaha saya untuk cuba meminati bidang pergigian dan bersikap positif. Sekali lagi, saya utarakan kebingungan saya kepada ibubapa saya. Setelah mendengar nasihat mereka untuk terus mencuba, saya terpaksa akur, meneruskan pengajian dengan tiada arah tujuan. Saya kerap terfikir – *If, If, If, If only I....* Saya sedar saya cuba membuka minda saya ke arah satu alternatif lain agar saya dapat apa yang saya mahukan, tetapi semuanya buntu. Tiada guna fikir jika tidak dapat diusahakan. Perkara ini menjadi sangat besar dan beban yang teruk hingga ianya menjejaskan kesihatan saya dan membuat saya tertekan dengan cukup hebat.

Tempat saya mengadu hanyalah Tuhan. Setiap hari saya berdoa supaya Dia menunjukkan jalan yang betul untuk saya ikuti. Kawan-kawan sekursus yang memahami masalah saya juga turut bersimpati tetapi apa yang mereka boleh buat? Kebanyakan mereka sendiri tidak meminati kursus tersebut. Tetapi mereka boleh menerima dengan redha nasib mereka di sini. Tetapi, mengapa tidak saya? Saya enggan membincangkan masalah ini dengan ibubapa saya, kerana sudah pasti mereka akan menjadi sangat risau. Teman lelaki saya yang sedang belajar di luar negara menjadi tempat kedua untuk saya mengadu segala-galanya.

Tahun ketiga saya di bidang pergigian lebih menambahkan tekanan. Ini kerana pada tahun ini, saya sudah perlu merawat pesakit-pesakit di poliklinik. Semakin saya cuba untuk bersikap positif untuk meminati bidang ini, semakin tertekan jadinya. Dari satu insiden ke satu insiden, dari satu masalah peribadi ke satu lagi masalah di poliklinik. Kesihatan saya semakin terjejas akibat tekanan yang dihadapi. Saya fikir, jika saya teruskan juga memaksa diri, saya boleh jadi gila. Akhirnya, pada hujung tahun 2004, saya berhenti menghadiri sebarang kelas selama dua minggu. *I need to take a break and think about my real future.*

4. MENCARI-CARI DIRI SENDIRI

Dalam dua minggu itu, saya duduk di bilik, berfikir, berfikir dan berfikir. Berdoa, berdoa dan berdoa. Saya kerap bersolat Istikharaah dan bersolat hajat memohon kepada Tuhan untuk memberikan saya kekuatan dan menunjukkan saya jalan yang betul. Hasilnya, saya sudah membuat keputusan, dan saya bertekad untuk tidak mengubahnya walau apapun yang terjadi. Untuk kali pertama dalam hidup, saya kenal diri saya sendiri; siapa saya, apa tujuan saya dalam hidup, apa yang saya mahukan, dan apa kekuatan dan kelemahan saya. Keputusan saya membuatkan saya merasa bebas dan sangat gembira. Hanya Tuhan yang tahu perasaan saya ketika itu.

Ya, saya mengambil keputusan untuk berhenti belajar. Saya perlukan masa untuk berehat, dan memulakan langkah yang baru. Saya tidak mahu lagi mengikut *flow* dan menyambung kursus pengajian yang tidak saya minati, kerana saya sedar yang saya tidak akan menjadi doktor gigi walaupun saya mempunyai ijazahnya. Daripada saya membuang masa dan hidup tidak tentu arah, tertekan dan selalu pening-pening kepala, lebih baik bagi saya cuba mempraktikkan apa yang saya sedari selama dua minggu ini. Saya menyesal kerana tidak membuat keputusan ini dari awal-awal lagi. Saya menyesal kerana hanya mengikut *flow* tanpa memikirkan adakah ianya sesuai dengan saya atau tidak. Dan yang paling saya sesalkan, saya telah benar-benar mengecewakan ibu bapa saya dengan keputusan saya itu.

5. MEMULAKAN HIDUP BARU

Hati saya sangat terluka, berbelah bahagi dan tertekan kerana tiada siapa yang mahu memahami masalah saya. Saya mengambil keputusan ke luar negara (London) untuk berehat menggunakan duit simpanan yang sangat sedikit dan memang hanya mencukupi untuk tiket kapal terbang. Saya tidak tahu bagaimana hendak *survive* di sana, yang saya tahu, saya mahu jauh dari masalah saya. Walaupun ibubapa saya sangat kecewa terhadap keputusan itu, mereka akhirnya menghormati kemahuan saya malah bapa saya sempat memberi sedikit wang saku sebagai belanja di sana. Pada saat itu, seperti aliran elektrik bervoltan tinggi, saya tiba-tiba sedar betapa kasih sayang mereka sangat tidak ternilai, yang mereka hanya mahukan hanyalah terbaik buat anak-anak mereka. Saya berjanji kepada mereka untuk menyambung belajar apabila saya sudah bersedia dan mendapatkan ijazah dalam bidang yang saya benar-benar minati.

Mengetahui mengenai kemahuan saya, teman lelaki saya bergegas ke kota London. Sekali lagi, saya telah menyusahkan orang-orang tersayang. Dia sangat merisaukan saya, oleh itu, sebaik sahaja saya bertapak di lapangan terbang Heathrow, dia sudah berada di sana, menunggu saya. Dia membawa saya ke Ireland- tempat belajarnya. Dalam dua minggu selepas itu, kami berkahwin benar-benar dengan niat untuk mengelakkan sebarang maksiat. Alhamdulillah, kurniaan Tuhan sebagai seorang isteri sangatlah besar. Ibubapa saya juga memberi izin (terima kasih mak, abah!! Jasamu tidak ternilai!! Tempat mak dan abah pasti di syurga). Saya sangat gembira dengan kehidupan sebagai seorang isteri.

Dalam pada masa yang sama, saya cuba mengubati kekecewaan ibubapa saya dengan selalu menghubungi mereka dan memohon maaf atas segala kekecewaan yang mereka terpaksa telan. Kadang-kadang saya fikir, *adakah saya ini anak yang jahat? Sampai hati saya membuat keputusan ini.* Tetapi, satu perkara yang pasti, saya merasakan hubungan saya dengan ibubapa saya menjadi jauh lebih rapat berbanding sebelum ini. Suami tercinta yang tersangat baik hati melayan saya seperti permaisuri! Kepada Tuhan, saya bersyukur selalu atas rahmatNya. Memang benar, setiap yang terjadi, ada hikmahnya. Kepercayaan saya terhadap Tuhan menjadi semakin kuat, dan hati saya menjadi sangat tenang. Saya menjadi semakin matang dalam membuat keputusan dan lebih mengenali diri, dan menghargai diri sendiri. Saya tahu, untuk bangkit semula setelah jatuh tidaklah senang.

Tahun pertama saya di Ireland, 2005, telah memulihkan semua luka dan tekanan yang saya alami. Pada tahun kedua, saya sudah bersedia untuk belajar semula, dan saya mencari-cari peluang belajar di sana supaya saya dapat tinggal bersama suami tercinta. Saya ditawarkan kursus farmasi (memandangkan latarbelakang saya dari kursus pergigian) di universiti yang sama dengan suami, malangnya, kos untuk belajar bagi seorang pelajar dari Malaysia sangatlah tinggi, dan farmasi adalah pilihan minor saya. Jadi, saya menolak tawaran tersebut.

Akhirnya, saya telah diterima untuk menyambung pengajian dalam bidang yang saya memang minati selama ini dan saya tahu ianya amat sesuai dengan saya. Saya mengikut kursus pengajian psikologi di salah satu universiti terkemuka di UK. Selama 6 tahun pengalaman hidup diambil untuk saya sedar akan cita-cita saya yang sebenar. Saya akan melanjutkan pelajaran di peringkat Phd dalam bidang Psikologi Klinikal ataupun Psikoterapi dan Kaunseling. Inilah target saya.

Terima kasih Tuhan, suamiku, mak dan abah atas sokongan yang tidak putus-putus. Di harap kisah diri saya dapat dijadikan pengajaran dan peringatan untuk semua pelajar yang berada di dalam proses memilih kerjaya.

6. PERSPEKTIF SEORANG PELAJAR DALAM MEMBUAT PILIHAN KURSUS JURUSAN IJAZAH YANG BETUL

"What is it that you like doing? If you don't like it, get out of it, because you'll be lousy at it. You don't have to stay with a job for the rest of your life, because if you don't like it you'll never be successful in it." - Lee Iaccocca

a. Kenali diri sendiri dahulu

Berdasarkan pengalaman saya sebagai seorang pelajar, ini adalah perkara yang paling penting untuk difikirkan. Adakah anda benar-benar mengenali diri anda? Perkara ini benar-benar penting bukan sahaja untuk pemilihan kursus selepas SPM, tetapi juga untuk anda menjalani kehidupan yang banyak menduga dan penuh cabaran.

Anda perlu sedar yang anda bukan lagi pelajar sekolah. Anda sudah dewasa dan perlu mengawasi sendiri setiap gerak-geri keputusan anda. Kematangan perlu diasah dan anda perlu pandai berdikari. Asasnya, anda perlu sedar di mana kekuatan anda, dan di mana kelemahan anda. Anda juga perlu singkap perkara-perkara yang anda minati dan sukai untuk dikaitkan dalam pemilihan kursus dan karier. *Know what you want and know what you need.* Ini perkara serius melibatkan masa depan anda.

b. Mengenai minat dan kebolehan

Satu perkara yang tidak patut dilakukan oleh pelajar-pelajar adalah mengikut *trend/flow* dalam pemilihan karier dan kursus. Ini kerana minat dan kebolehan anda dengan orang lain tidak sama. Setiap individual mempunyai keistimewaan yang tersendiri dan karakter yang berbeza-beza.

Anda mungkin mahu menyenaraikan segala karier yang bersesuaian dengan minat dan kemahiran anda. Kemudian, mendapatkan maklumat mengenai karier-karier tersebut. Dari situ, anda mungkin dapat menapis beberapa karier yang tidak sesuai dengan kemahuan dan keutamaan anda. Contohnya, anda mungkin meminati kursus perubatan,

tetapi tempoh pengajiannya terlalu lama bagi anda, dan anda tidak pandai berkomunikasi dengan orang awam. Oleh itu, kursus ini mungkin tidak sesuai dengan anda.

Pada sesetengah pelajar, pemilihan kursus mungkin tidak menjadi masalah kepada mereka. Tetapi, untuk sesetengah pelajar yang lain, proses ini masih tidak memberikan keputusan yang jelas kerana terlampau banyak kursus dan karier yang mereka minati. Mungkin anda boleh mengambil beberapa kursus sekaligus, jika anda mampu dari segi kewangan dan bermotivasi tinggi. Tetapi, jika tidak, perkara ini akan menjadi sulit kerana berkemungkinan besar di sinilah akan bermulanya pengaruh ibubapa dan kawan-kawan.

Sesetengah sekolah seperti saya di MRSM dulu, menjalankan ujian inventori yang pada asasnya menilai apa kesukaan anda, apa yang anda tidak sukai dan perkara-perkara yang anda mahir dan tidak. Daripada keputusan ujian tersebut, pelajar-pelajar boleh nampak kecenderungan mereka di dalam sesuatu bidang. Oleh itu, ujian ini sangat baik untuk anda jika anda masih keliru dengan pemilihan kursus.

c. Membuat keputusan berdasarkan tingkatan gaji di dalam karier

Sesetengah pelajar juga tidak perlu membuat pilihan kursus berdasarkan minat, dan hanya memandang kepada kemewahan daripada karier yang akan diceburi. Ini mungkin berkesan kepada mereka kerana tangga gaji yang tinggi boleh menaikkan motivasi dan semangat mereka untuk berjaya di dalam pelajaran.

Tetapi, anda perlu menilai juga sama ada anda layak untuk ke kursus tersebut berdasarkan kemahiran anda. Jika anda tidak layak atau tidak mempunyai sebarang kemahiran yang diperlukan dalam kursus itu, mungkin isu gaji perlu ditolak ke tepi dahulu.

d. Percayakan diri sendiri

Ramai pelajar tidak yakin dengan kebolehan diri sendiri untuk memajukan diri lebih jauh. Anda perlu percayakan diri anda dan kebolehan anda kerana ini adalah salah satu proses mengenali diri sendiri, dan apabila anda kenal akan diri sendiri, *self-esteem* anda akan meningkat secara automatik.

Jika anda mempunyai pegangan yang teguh dan tidak berubah-ubah, anda pasti akan berjaya dalam apa jua yang anda lakukan. Ibubapa mungkin akan meragui akan pilihan anda dan memberikan nasihat yang patut anda ambil kira. Selepas itu, jika anda masih percaya yang pilihan anda adalah pilihan yang tepat, mungkin anda patut berbincang lebih mendalam dengan ibubapa anda mengenai pilihan anda.

e. Berbincang dengan ibubapa dan kaunselor.

Mendapatkan pandangan ibubapa adalah langkah yang bijak, tetapi awas! Kerana sesetengah ibubapa mungkin menilai pemilihan kerjaya dan mengaitkannya dengan wang. Walaupun mereka hanya ingin membantu, sesetengah dari mereka mungkin secara tidak sedar mempengaruhi anda untuk memilih kerjaya yang memberikan wang dan prestij yang lebih kerana mereka sudah biasa mengaitkan wang dengan hidup yang gembira dan senang. Dan pilihan mereka mungkin tidak sama dengan pilihan anda.

Akibatnya, anda mungkin akan menjadi keliru. Inilah masanya anda mendapatkan nasihat orang luar yang profesional seperti kaunselor-kaunselor kerjaya dan guru-guru. Mereka boleh dijadikan sumber maklumat mengenai kerjaya pilihan anda, dan memberikan nasihat yang tidak *bias* dalam pemilihan kursus tersebut.

f. Ambil masa untuk berfikir

Pelajar-pelajar patut mengambil masa untuk berfikir mengenai pilihan-pilihan kursus yang telah dibuat. Antara perkara-perkara yang patut difikirkan untuk kerjaya adalah seperti:

- status gaji dalam kerjaya yang bakal diceburi
- peluang pekerjaan
- kemahiran yang diperlukan
- tangga kerjaya (peluang naik pangkat)
- kelayakan akademik
- jenis pekerjaan yang berpotensi dan apa tugas-tugasnya
- sama ada memenuhi keperluan/kemahuan diri
- kesesuaian persekitaran tempat kerja
- masa bekerja yang sanggup dikorbankan

g. Akhir sekali, ambil langkah ke arah pilihan kursus

Apabila anda sudah pasti dengan pilihan anda, ambillah langkah seterusnya untuk memasuki kursus tersebut, contohnya seperti mengisi borang dengan betul dan bagi seorang Muslim, bersolatlah Istikharaah dan bertawakal kepada Tuhan atas pilihan yang dibuat.

Jika anda masih lagi ragu-ragu dan keliru mengenai pemilihan kursus di universiti, anda mungkin mahu mengambil kursus-kursus minor yang diminati dahulu yang merangkumi prinsip-prinsip asas sebelum anda memilih kursus major. Dengan cara ini, anda mempunyai lebih masa untuk membuat pilihan dan mungkin melalui kursus-kursus minor yang anda pilih dapat membuka minda anda untuk membuat keputusan.

7. JIKA ANDA MUNGKIN BERADA DI LALUAN KERJAYA YANG SALAH

- a. Jangan biarkan masalah anda menjadi beban, dan membiarkannya begitu sahaja sehingga memudaratkan anda.
- b. Jangan beranggapan anda telah gagal kerana tersalah memilih kursus adalah perkara yang normal, dan masih tidak terlambat untuk menukar kursus yang sesuai dan diminati.
- c. Fikirkan semula dengan mendalam adakah anda benar-benar sudah tersilap memilih kursus tersebut (atau anda hanya terlalu penat kerana terlalu banyak *assignment*.)
- d. Buatlah keputusan yang betul sama ada anda mahu meneruskan kursus tersebut atau menukar ke kursus yang lebih diminati. Ingat, ianya akan mempengaruhi karier anda, yang memainkan peranan besar dalam kehidupan.
- e. Untuk membuat keputusan yang bijak, anda mungkin memerlukan masa yang berkualiti untuk berfikir. Oleh itu, anda mungkin boleh menangguhkan atau bercuti sebentar dari sesi pengajian jika benar-benar perlu. Mungkin dengan berehat sebentar, anda dapat melihat dengan jelas semula tentang target anda di dalam kursus tersebut dan tidak perlu menukar ke kursus yang lain. Tetapi, jangan pula sampai tidak ada selera hendak menyambung belajar kerana ini banyak terjadi di kalangan pelajar.
- f. Anda boleh mendapatkan nasihat daripada kaunselor-kaunselor di universiti dan sekolah, ibubapa dan kawan-kawan.
- g. Carilah siapa anda yang sebenarnya. Dari situ, mulakan langkah memilih kursus yang sesuai. Bina komitmen baru.
- h. Sentiasa bersikap positif dan tabah. Masyarakat mungkin memandang rendah jika anda berundur dari kursus tersebut. Anda mungkin boleh menerangkan kepada mereka supaya mereka dapat memahami situasi anda.

8. MENGURUSKAN TEKANAN DENGAN IBUBAPA YANG BERTENTANGAN DENGAN KEPUTUSAN ANDA

Pertama sekali, pelajar-pelajar harus sedar yang semua ibubapa hanya mahu yang terbaik untuk anak-anak mereka. Oleh itu, jalan yang baik adalah dengan berbincang dari hati ke hati dengan mereka supaya mereka dapat memahami kehendak anda. Jika perlu, maklumkan kepada mereka mengenai perancangan masa depan anda selepas mengambil kursus yang diminati itu.

Mengikut situasi, anda mungkin perlu meminta maaf kerana tidak dapat menyempurnakan impian mereka, tetapi yakinkan mereka yang anda akan berusaha mencapai tahap yang cemerlang. Akhir sekali, sayangilah mereka lebih daripada anda sayangkan mereka selama ini. Kasih sayang, kesetiaan, ketaatan, dan kehormatan anak-

anak terhadap ibubapa adalah hadiah tidak ternilai yang boleh diberikan oleh seorang anak kepada ibubapa mereka.

9. APA KESILAPAN SAYA SEMASA MEMILIH KURSUS

Elakkan diri daripada mengulangi kesilapan yang saya lakukan. Antaranya:

- tidak mengenali diri sendiri
- tidak bersikap matang kerana mudah terpengaruh
- tidak sedar tentang kemahuan, kekuatan dan kelemahan diri yang sebenar
- terlalu mengikut *flow* dan pemikiran kolot sesetengah masyarakat
- tidak mempunyai kepercayaan diri yang kuat akibat tidak kenal diri sendiri, oleh itu mudah menjadi pak turut.
- lambat mengambil tindakan walaupun saya sudah lama sedar kursus yang diambil tidak sesuai langsung dengan diri saya
- tidak mendapatkan nasihat dari kaunselor
- tidak berbincang secara serius dengan ibubapa, tidak berusaha membuat mereka faham akan situasi yang saya lalui.

10. BAGAIMANA HENDAK BERSIKAP MATANG DALAM MEMBUAT PILIHAN?

Kenali diri sendiri kerana dengan mengenali diri sendiri, anda akan dapat mengenal kekuatan dan kelemahan anda. Anda juga perlu mengenal pasti sama ada anda membuat keputusan dengan mengikut kehendak atau nafsu (contohnya wang yang banyak, pangkat yang tinggi). Anda juga boleh bertanya pendapat orang-orang terdekat anda seperti kawan-kawan dan ibubapa mengenai karakter diri anda, dan cara ini adalah salah satu cara berkesan untuk anda lebih mengenali diri sendiri. Ada sesetengah kajian yang mencadangkan untuk mengenali karakter diri sendiri, anda boleh melihatnya dari ibubapa anda. Tetapi, kajian ini tidak dapat dibuktikan dan masih kontroversi!

Sebagai seorang pelajar, anda juga harus sedar yang setiap yang terjadi itu adalah atas kekuasaan Tuhan. Oleh itu, banyakkkan bersolat (solat sunat hajat dan istikharaah bagi muslim) dan berdoa kepada Tuhan agar ditunjukkan jalan yang betul dan memberi kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Buanglah sikap negatif ke tepi. Anda perlu bersedia dengan cabaran yang akan dilalui di alam universiti dan kerjaya. Bukakan minda anda untuk menerima sesuatu yang baik, supaya anda sentiasa maju ke depan. Kematangan juga datang jika anda mempunyai *self-esteem* yang tinggi; terutamanya mempunyai pendirian yang tersendiri di dalam setiap perkara. Orang yang bersikap matang tidak mengikut perasaan semata-mata, sentiasa berhati-hati dan tidak membuat keputusan terburu-buru. Mereka akan mengambil kira banyak aspek sebelum bersedia membuat pilihan kursus dan kerjaya yang betul. Kita juga boleh mengenali kematangan seseorang berdasarkan keperibadiannya yang cemerlang.

11. LANGKAH MEMULAKAN HIDUP BARU (BAGI SEORANG PELAJAR)

- Perlu mengenali diri dan Tuhan.
- Perlukan sokongan dan galakan orang-orang tersayang, jika tiada sokongan masih tidak mustahil, tetapi mungkin lebih banyak tekanan.
- Perlu banyak berusaha dan selepas itu bertawakal.
- Perlu tabah menghadapi pandangan rendah sesetengah masyarakat yang tidak memahami situasi anda.
- Perlu pandai mengawal emosi dan mengurus stress/tekanan yang sememangnya sangat berat. Tekanan itu mungkin akan mengambil masa untuk pulih, dan boleh berlarutan hingga anda benar-benar berjaya bangkit semula.
- Masalah kewangan menjadi isu kepada saya, dan mungkin juga akan terjadi kepada anda. Oleh itu, anda perlu bersedia secara mental dan fizikal mengharungi cabaran yang ada. *Expect the unexpected.*
- Berani mengambil tanggungjawab sendiri, supaya tidak menyusahkan orang lain.
- Perlu sikap positif
- Pelajar perlu sedar yang anda tidak bersalah terhadap sesiapa pun kecuali diri anda sendiri kerana anda telah menolak hak diri anda untuk membuat pemilihan kursus dan kerjaya yang betul. Oleh itu, permulaan yang baru adalah benar-benar untuk kebaikan diri anda sendiri.

12. PEMERHATIAN SAYA SELAMA 6 TAHUN

Seorang pelajar hanya boleh berjaya memilih kursus yang sesuai dengan dirinya jika anda benar-benar mengenali diri anda, mengetahui dengan jelas minat dan kebolehan yang anda ada, dan boleh mengenalpasti kekuatan dan kelemahan yang ada. Bagaimanapun, seorang pelajar boleh juga berjaya memilih kursus yang betul secara kebetulan, tanpa banyak memikirkan perkara tersebut dan hanya berserah dengan apa sahaja kursus yang ditawarkan.

Mengapa anda perlu memilih kursus yang anda suka dan benar-benar minat?

Pemilihan kursus di peringkat universiti akan mempengaruhi jenis kerjaya yang anda akan ceburi. Kerjaya adalah antara aset terpenting dalam kehidupan untuk menyara hidup anda dan keluarga anda. Kerjaya membentuk diri anda, malahan sebahagian besar masa dalam hidup anda bakal digunakan untuk kerjaya. Oleh itu, ianya adalah sebahagian daripada diri anda. Ini bermakna sekiranya kerjaya yang di pilih tidak menepati atau tidak bersesuaian dengan diri anda, ianya bukanlah kerjaya yang patut anda ceburi.

Pengalaman saya melihat kawan-kawan dan senior-senior yang mengambil jurusan yang mereka tidak minati juga membuktikan betapa pemilihan kursus atau jurusan adalah tersangat penting. Kebanyakan mereka menceburi kerjaya yang tidak memenuhi kehendak diri, dan menyebabkan kualiti kerja mereka sangat teruk dan senang merosot disebabkan tiada semangat atau motivasi dan yang paling penting, tiada minat dan cepat jemu.

Hati mereka bukan di kerjaya tersebut, oleh itu mereka tidak berminat langsung untuk belajar lebih mendalam mengenai bidang yang diceburi dan tidak mengambil tahu tentang perkembangan-perkembangan terkini yang perlu diketahui. Mereka hanya mengikut *flow* di tempat kerja, melaksanakan kerja hanya cukup-cukup untuk mereka tidak dipecat dan mendapat gaji - langsung tidak ikhlas. Hidup mereka hanya dipenuhi dengan rutin-rutin yang tidak mencabar, membosankan dan tidak bermakna, malahan ada yang menganggap hidup mereka seperti robot. Mereka juga kerap berfikir – *kalaulah dulu aku ambil jurusan..., kan best!*

Hidup kita terlampau singkat untuk dipenuhi dengan perkara-perkara yang tidak diminati dan tidak menggembirakan. Jika pelajar-pelajar memilih kursus jurusan yang tepat dan kerjaya yang betul, anda pasti akan lebih menghargai kehidupan dan anda akan merasai *self-fulfillment*. Hidup tidak menjadi sia-sia. Tetapi, bukanlah maksud saya orang yang memasuki bidang yang tidak diminati, tidak boleh berjaya atau menjadi gembira. Pilihlah jalan yang terbaik buat diri anda sendiri.

Kepentingan berkongsi masalah

Saya sedar komunikasi adalah perkara yang penting, apabila seorang pelajar menghadapi sebarang masalah. Jika tidak dikongsi bersama orang –orang terdekat atau golongan yang lebih professional, masalah dan beban tersebut bakal disalurkan ke saluran yang salah. Sebagai contoh, mereka mungkin akan mencari alternatif yang lebih liar untuk menyelesaikan masalah mereka. Malahan, tekanan yang dialami oleh pelajar mampu menjejaskan kesihatan.

Jangan segan atau takut berbincang dengan ibubapa. Mereka adalah orang yang terdekat dan paling patut disayangi. Jika anda benar-benar menghormati mereka, mereka patut diberi keutamaan dalam mendengar masalah anda. Ibubapalah yang akan paling banyak membantu anda untuk anda menyelesaikan masalah. Kasih sayang mereka tidak ternilai, mereka sanggup menerima dan memaafkan kita walaupun kita berlaku kejam kepada mereka. Itulah hebatnya ibubapa (saya menyedarinya dalam 6 tahun ini). Mak dan abah saya tidak pernah mengungkit kisah lama kerana mereka tahu ianya akan menyedihkan saya. Mereka sanggup memaafkan saya walaupun mereka benar-benar kecewa dengan saya kerana tidak menghabiskan kursus pada ketika itu.

6 tahun ini banyak mengajar saya pengalaman tidak ternilai. Buat semua kawan-kawan pelajar, jadikannya pengajaran. Syukurku kepada Allah, terima kasih suamiku, mak, abah dan adik beradikku yang memberikan sokongan untukku bangkit semula.